



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN
KELESTARIAN ALAM**

SEMPENA

**PELUNCURAN STRATEGI HINDARI
PLASTIK SEKALI GUNA & PRA-
PELANCARAN INISIATIF BUMI SIHAT**

6 MAC 2026 (JUMAAT)

PEKAN SOOK

[SALUTASI] (akan dikemaskini)

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia

MADANI

1. Saya merakamkan rasa kesyukuran di atas limpah dan kurnia-Nya kita dapat berkumpul bersama-sama di majlis yang amat bermakna pada hari ini.
2. Saya dapat merasakan betapa eratnya hubungan kita dengan alam semula jadi. Kehadiran saudara-saudari hari ini bukan sekadar memenuhi jemputan majlis, tetapi ia adalah satu cerminan bahawa semangat untuk melindungi khazanah tuhan ini masih menebal dalam sanubari setiap anak watan.

3. Hari ini, kita bukan sekadar melancarkan Inisiatif Bumi Sihat atau Kempen Bijak Plastik. Apa yang kita lakukan sebenarnya adalah meletakkan batu asas bagi masa depan anak cucu kita.

4. Inisiatif ini berdiri atas dua tiang utama iaitu Kebersihan dan Kelestarian. Apabila kita bercakap tentang bersih, ia bermakna kita mahu melihat sungai dan hutan kita bebas daripada noda sampah. Apabila kita bercakap tentang lestari, kita sedang membina daya tahan alam agar generasi akan datang masih mampu menghirup udara yang segar dan meminum air yang jernih dari tanah ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,
**BUDAYA HIJAU: DARI DAPUR KE
PASAR TAMU**

5. Perubahan besar tidak bermula di peringkat Persekutuan sebaliknya ia bermula dari dapur rumah kita, dari bilik darjah sekolah, dan dari meja peniaga di pasar tamu. Kita mahu menjadikan amalan menjaga alam ini sebagai satu budaya hidup, bukan sekadar acara bermusim atau gotong-royong setahun sekali.

6. Setiap tindakan kecil—seperti mengasingkan sisa di rumah—mempunyai kesan rantaian yang besar kepada kesihatan ekosistem kita secara keseluruhannya.

7. Saya juga ingin melihat kita kembali kepada kebijaksanaan tradisi. Di Parlimen Pensiangan yang serba indah ini, ancaman mikroplastik adalah satu realiti yang membimbangkan.
8. Plastik yang kita buang ke sungai akan hancur menjadi zarah halus yang akhirnya masuk ke dalam rantai makanan dan menjejaskan kesihatan kita.
9. Oleh itu, saya menyeru kepada para peniaga dan pengusaha tamu, marilah kita beralih semula kepada pembungkus semula jadi seperti daun pisang yang jauh lebih selamat dan mesra alam.

AGENDA NASIONAL DAN EKONOMI KITARAN

10. Untuk makluman semua, Kerajaan Negeri Sabah adalah antara perintis yang dalam melaksanakan larangan beg plastik sekali guna. Inisiatif ini kini telah diangkat sebagai Agenda Nasional yang telah dikuatkuasakan di seluruh negara sejak 1 Januari lalu. Saya yakin, rakyat Sabah boleh menjadi contoh teladan utama kepada seluruh rakyat Malaysia dalam menjayakan usaha murni ini.

11. Namun, kita tidak mahu sisa ini hanya dilihat sebagai sampah. Di bawah konsep ekonomi kitaran, kita mahu sisa plastik dilihat sebagai sumber

pendapatan melalui pusat pengumpulan setempat. Saya mahu melihat belia Parlimen Pensiangan bangkit sebagai "Wira Alam" yang memimpin teknologi hijau. Jika kita boleh menukarkan sisa kepada nilai ekonomi, ia bukan sahaja menyelamatkan alam, malah merancakkan ekonomi komuniti setempat kita.

Hadirin yang saya hormati,

KEPIMPINAN MELALUI TELADAN

12. Dalam usaha ini, kepimpinan melalui teladan adalah kunci. Saya menyeru kepada para guru, pemimpin masyarakat, ketua kampung, dan pengerusi JKKK untuk menjadi

jurucakap alam yang paling hadapan. Jika pemimpin sendiri sudah mula menolak penggunaan plastik dalam majlis-majlis rasmi, rakyat pasti akan melihat dan mengikut jejak langkah tersebut.

13. Hutan yang menghijau dan sungai yang tenang di Parlimen Pensiangan ini adalah aset paling berharga yang kita miliki. Ia adalah magnet pelancongan ekologi yang mampu menjana pendapatan penduduk. Jika kita gagal menjaganya hari ini, kita sebenarnya sedang membuang peluang ekonomi masa depan kita. Jagalah Parlimen Pensiangan ini seperti kita menjaga rumah kita sendiri.

PENUTUP

14. Sebagai mengakhiri bicara, marilah kita ingat bahawa bumi ini adalah amanah Tuhan yang dipinjamkan kepada kita untuk dijaga, bukan untuk dihabiskan. Jadikanlah Parlimen Pensiangan sebagai model komuniti bersih dan lestari yang dibanggakan negara.

15. Dengan ini, saya merasmikan peluncuran KEMPEN “BIJAK PLASTIK, SELAMAT BUMI” serta PRA-PELANCARAN “INISIATIF BUMI SIHAT” peringkat Parlimen Pensiangan.

Sekian dan terima kasih.